

18/10/1999

500 juta tonton F1 Malaysia

SEPANG, Ahad - Kira-kira 70,000 penonton kagum dan terhibur dengan aksi jaguh lumba kereta dalam perlumbaan Formula Satu (F1) Grand Prix Malaysia Petronas 1999 yang penuh dramatik di Litar F1 Sepang, di sini hari ini.

Perlumbaan paling mahal dan sukan motor paling berprestij yang disaksikan kira-kira 500 juta penonton di 200 negara menerusi 750 rangkaian televisyen itu, mampu menonjolkan lagi imej Malaysia di mata dunia.

Upacara perasmian perlumbaan yang dilakukan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dimeriahkan dengan pelbagai persembahan menarik terutama perbarisan kereta antik yang turut membawa Perdana Menteri dan pemandu F1.

Hadir sama menyaksikan acara kemuncak itu ialah Yang di-Pertuan Agong, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Siti Aishah dan Sultan Brunei Darussalam, Sultan Hassanah Bolkhiah yang dalam lawatan kerja empat hari ke negara ini.

Dr Mahathir kemudian melawat kawasan 'pit' untuk menyaksikan sendiri teknologi, mesin dan orang yang bertanggungjawab dalam perlumbaan F1.

Beliau diberi penerangan oleh beberapa pemimpin pasukan, termasuk pengurus besar Ferrari, Jean Todt dan Pengarah Pasukan Sauber-Petronas, Peter Sauber.

Sementara itu, ketika bercakap kepada pemberita di akhir perlumbaan itu, Dr Mahathir mengucapkan terima kasih kepada SIC yang diketuai pengerusinya, Tan Sri Basir Ismail serta kira-kira 800 petugas termasuk bagi menjaga kebersihan sekitar kerana berjaya mengendalikan perlumbaan itu.

"Saya harap pengalaman ini akan membolehkan mereka merancang dan menyelenggara perlumbaan pada masa akan datang, dengan cara yang begitu baik," katanya.

(END)